

27 APR 1999

Parlimen-Peguam Negara

PM TIDAK PERNAH HALANG PEGUAM NEGARA MEMBUAT KEPUTUSAN

KUALA LUMPUR, 27 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak pernah menghalang Peguam Negara membuat sesuatu keputusan terutama yang membabitkan seorang menteri, persidangan Dewan Rakyat diberitahu hari ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Ibrahim Ali berkata dakwaan kononnya Dr Mahathir pernah menghalang Peguam Negara membuat keputusan mengenai seorang menteri tidak benar sama sekali.

Dalam jawapan bertulis kepada soalan Datuk Seri Anwar Ibrahim (Bebas-Permatang Pauh), beliau berkata dalam melaksanakan budi bicaranya, Peguam Negara bebas dan tidak dipengaruhi oleh pertimbangan politik kerajaan atau mana-mana pihak lain.

"Sebaliknya, Peguam Negara membuat keputusan berdasarkan bukti dan keterangan yang ada serta mengambil kira kepentingan awam dan negara,"kata Ibrahim.

Dalam soalnya, Anwar meminta Perdana Menteri menyatakan bahawa Peguam Negara tetap bebas menyempurnakan tanggungjawab tanpa sekatan dan apakah benar terdapat keputusan Peguam Negara terhadap seorang menteri telah ditahan oleh Perdana Menteri.

Ibrahim berkata hakikat bahawa Peguam Negara tetap bebas dalam menyempurnakan tanggungjawab tanpa sekatan tidak perlu dipertikaikan.

Beliau berkata Peguam Negara yang selama ini telah melaksanakan tugasnya dengan kewibawaan yang selaras dengan fungsi dan tanggungjawab yang ditetapkan dalam Perlembagaan Persekutuan tidak mungkin dapat berbuat demikian sekiranya beliau dikenakan sekatan atau tekanan oleh mana-mana pihak termasuk kerajaan.

Fungsi Peguam Negara seperti yang termaktub dalam Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan dan selaku Pendakwa Raya dalam Seksyen 376 Kanun Tatacara Jenayah memberi kuasa kepada beliau untuk menggunakan budi bicaranya dalam menentukan sama ada seseorang itu harus dipertuduh di mahkamah atau sebaliknya.

Ibrahim berkata kuasa budi bicara ini pula hanya boleh dilaksanakan setelah agensi penguatkuasa seperti polis dan Badan Pencegah Rasuah selesai menjalankan siasatan dan mengemukakan hasil sissatan kepada Peguam Negara.

--BERNAMA

AKT MAI